



TERMA DAN SYARAT BAGI e-DEPOSIT BERTEMPOH-i (PB eTD-i)

Bahagian A: Syariah dan Komoditi Murabahah

1. Undang-undang Syariah

- 1.1 Pengendalian akaun akan tertakluk pada bentuk perniagaan dan pekerjaan Pemegang Akaun tidak bercanggah dengan Undang-undang dan prinsip Syariah Public Islamic Bank Berhad ("Bank") berhak untuk menutup akaun sekiranya bentuk perniagaan atau pekerjaan Pemegang Akaun telah berubah daripada aktiviti halal kepada haram.

2. Komoditi Murabahah melalui Pengaturan Tawarrug

- 2.1 Kontrak Syariah yang diterima pakai ialah Komoditi Murabahah melalui Pengaturan Tawarrug yang mana Pemegang Akaun melantik Bank di bawah kontrak Wakalah, sebagai ejennya untuk membeli Komoditi daripada mana-mana pedagang komoditi dan selepas itu, menjual Komoditi itu kepada Bank secara bayaran tertunda pada Harga Jual iaitu Harga Jual Tertunda. Harga Jual adalah seperti yang diperincikan di bawah Bahagian A Fasal 4.4.
- 2.2 "Komoditi" merujuk komoditi yang halal dan mematuhi prinsip Syariah, tanpa jaminan Bank bagi kualiti, keadaan, kuantiti dan huraian dan tanpa liabiliti atas apa-apa kerugian atau kemerosotan komoditi berkenaan.
- 2.3 "Murabahah" merujuk pembelian dan jualan suatu komoditi pada kos campur margin keuntungan yang dinyatakan kepada pembeli.
- 2.4 "Tawarrug" bermaksud dua (2) kontrak jual beli yang mana yang pertama melibatkan jualan barang dan komoditi kepada pembeli atas dasar tertunda dan berikutnya jualan melibatkan jualan barang dan komoditi kepada pihak ketiga atas dasar tunai.
- 2.5 "Wakalah (Agensi)" bermaksud kontrak yang mana satu pihak memberi mandat kepada pihak satu lagi sebagai ejennya/ejen mereka untuk melaksanakan tugas tertentu dalam perkara yang boleh diberi secara sukarela atau melalui pengaan suatu fi.
- 2.6 "Wa'd (Janji)" bermaksud Bank yang bertindak sebagai "Pembeli Komoditi" akan memberi janji dan bersetuju untuk membeli Komoditi daripada Pemegang Akaun apabila Urus niaga Pembelian selesai.
- 2.7 "Ibra' (Rebat)" bermaksud rebat yang mewakili "pengecualian bagi hak untuk menuntut" yang diberi oleh seorang kepada orang lain yang mempunyai kewajipan yang perlu dilaksanakan olehnya.

3. Pelantikan Bank sebagai Ejen

- 3.1 Di bawah kontrak Wakalah, Pemegang Akaun bersetuju untuk melantik Bank dan Bank bersetuju untuk menerima pelantikan sebagai ejen Pemegang Akaun untuk membuat dan melaksanakan semua tindakan bagi pembelian dan penjualan Komoditi menurut Terma dan Syarat ini dan untuk berunding dengan peniaga Komoditi, firma industri, pembekal mereka ("Pembekal") dan pelanggan mereka bagi pihak Pemegang Akaun berkaitan dengan pembelian Komoditi tersebut.

Setiap urus niaga akan dimeterai oleh Bank atas nama Pemegang Akaun. Bank akan, dalam melaksanakan obligasi dan aktiviti bertindak dengan niat baik dan demi kepentingan Pemegang Akaun.

- 3.2 Bank tidak bertanggungjawab untuk memeterai apa-apa urus niaga, mahupun mengikut apa-apa arahan Pemegang Akaun, sekiranya pada pandangan Bank dengan memeterai perjanjian atau mematuhi arahan seperti itu, Bank atau mana-mana sekutunya akan menyalahi atau melanggar apa-apa undang-undang, dasar dan peraturan.
- 3.3 Pemegang Akaun berhak untuk meminta dan mengambil Komoditi secara fizikal. Sekiranya Pemegang Akaun mahu melaksanakan hak untuk mengambil secara fizikal, semua kos dan perbelanjaan berkaitan dengannya hendaklah ditanggung oleh Pemegang Akaun.
- 3.4 Pemegang Akaun akan menanggung rugi dan mengelakkan Bank daripada menanggung rugi, pada setiap masa, terhadap semua kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding, ganti rugi, kos dan perbelanjaan yang mungkin dibawa atau dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau yang ditanggung atau dialami oleh Bank berikutan pembelian Komoditi itu di bawah apa-apa urus niaga sebagai ejen Pemegang Akaun atau berikutan kemungkiran oleh Pemegang Akaun akan apa-apa obligasinya/mereka dalam Terma dan Syarat ini kecuali bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi berikutan kemungkiran, kecuaihan atau pelanggaran apa-apa terma oleh Bank. Tanggung rugi ini akan terus diguna pakai walaupun selepas:-
- 3.4.1 Penutupan PB e-Deposit Bertempoh-i (PB eTD-i) oleh Pemegang Akaun atau Bank; dan/atau
- 3.4.2 Penamatan hubungan jurubank-pelanggan.
- Semua jumlah yang perlu dibayar di bawah tanggung rugi ini tidak tertakluk pada apa-apa pengurangan sama ada melalui tolak selesai, tuntutan balas atau sebaliknya.
- 3.5 Pelantikan Bank sebagai ejen akan sempurna apabila tanggungjawab Bank sebagai ejen untuk pembelian dipenuhi dan ejen akan menjual bagi pihak Pemegang Akaun.

4. Urus niaga Komoditi Murabahah

- 4.1 Urus niaga Komoditi Murabahah hendaklah dilaksanakan pada hari Perdagangan seperti yang berikut:-
- 4.1.1 Pemegang Akaun mengarahkan Bank (sebagai ejen) untuk melakukan urus niaga Belian ("Urus niaga Belian") untuk pembelian Komoditi bagi amaun yang diperlukan untuk didepositkan dalam Tempoh tersebut;
- 4.1.2 Pemegang Akaun akan segera membayar Harga Belian iaitu amaun peletakan PB eTD-i kepada Bank bagi Urus niaga Belian;
- 4.1.3 Bank, sebagai ejen ketika itu, untuk dan bagi pihak Pemegang Akaun akan membeli Komoditi tersebut pada Harga Belian daripada Pengedar untuk Tempoh berkenaan;
- 4.1.4 Selepas itu, Bank (sebagai ejen untuk menjual bagi pihak Pemegang Akaun) boleh menjual dan Bank (sebagai pembeli) boleh membeli Komoditi itu pada Harga Jual Tertunda ("Urus niaga Jualan");
- 4.1.5 Urus niaga Belian akan dibuat pada hari yang sama dengan peletakan PB eTD-i yang dibuat antara pukul 9.30 pagi hingga 4.00 petang, Isnin hingga Jumaat, iaitu pada hari Perdagangan. Apa-apa peletakan yang dibuat selepas waktu yang ditetapkan itu akan berkuat kuasa pada hari Perdagangan berikutnya.

- 4.2 Sekiranya Hari Perdagangan lebih lewat daripada tarikh Harga Belian (amaun yang didepositkan) didepositkan dengan Bank, Harga Belian akan diproses sebagai Qard (pinjaman) kepada Bank sebelum Urus niaga Belian tersebut. Dalam hal ini, Pemegang Akaun mengizinkan Bank untuk berurusan dengan Harga Belian dengan cara yang dianggap sesuai oleh Bank dan dengan itu akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadapnya.
- 4.3 Tiada urus niaga boleh dibuat dalam apa-apa Komoditi yang terdiri daripada babi, minuman beralkohol, tembakau, dadah, emas, perak atau barang lain yang tidak diterima oleh Bank.
- 4.4 Harga Jualan akan dikira seperti yang berikut:-

$$\text{Harga Jualan} = \text{Amaun Deposit PB eTD-i} + \text{Jumlah Keuntungan}$$

- 4.5 Fi brokeraj/perdagangan untuk membeli dan menjual Komoditi akan ditanggung oleh Bank.

5. Pengiraan Keuntungan/Pembayaran Keuntungan

- 5.1 Pengiraan keuntungan adalah seperti yang berikut:-

$$\text{Keuntungan} = P \times R \times T / 365 \text{ atau } 366$$

Yang mana:-

P = Amaun Deposit

R = Kadar Keuntungan

T = Tempoh (bilangan hari, dari tarikh peletakan hingga tarikh matang)

6. Ibra' (Rebat)

- 6.1 Walau apa pun formula bagi keuntungan seperti yang dinyatakan dalam Fasal 5.1 Bahagian A: Syariah dan Komoditi Murabahah, Pemegang Akaun bersetuju untuk memberi Ibra' (rebat) mengikut keadaan seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.

Pemegang Akaun mengizinkan untuk memberi Ibra' (rebat) kepada Bank apabila berlakunya peristiwa tertentu termasuk tetapi tidak terhad pada pengeluaran dana atau deposit sebelum Tarikh Matang.

- 6.2 Pengiraan Ibra' (rebat) adalah berdasarkan formula yang berikut:-

$$\text{Ibra' (Rebat)} = \text{Harga Jualan} - \text{Amaun Deposit} - [\text{Keuntungan} (1 - 100\% \text{ atau } 50\%)]$$

Bahagian B: Terma dan Syarat Am

1. Kelayakan

- 1.1 PB eTD-i adalah akaun deposit bertempoh patuh Syariah yang membolehkan pembukaan akaun deposit, peletakan dan pengeluaran untuk dibuat melalui Perbankan Dalam Talian PBe dan Perbankan Mudah Alih PB engage MY ("PBe").
- 1.2 PB eTD-i ialah produk deposit bertempoh Islam.
- 1.3 PB eTD-i hanya disediakan untuk:-
- a) Pelanggan individu berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dan empunya tunggal, yang mempunyai Akaun Semasa/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i (CASA/CASA-i) peribadi dan telah mendaftar untuk PBe; dan

- b) Warganegara Malaysia tanpa apa-apa tanda Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA) dan/atau Standard Pelaporan Bersama (CRS) yang berikut:-

Tanda FATCA	Tanda CRS
<p>a. Rakyat Amerika Syarikat (A.S.) iaitu Pemastautin Tetap A.S. (Pemegang Kad Hijau), Pemastautin yang Membayar Cukai A.S. atau Orang yang berada lama secara fizikal di A.S.</p> <p>b. Seorang yang mempunyai:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nombor telefon A.S. dan tiada nombor telefon bukan A.S. yang lain. • Alamat kediaman/alamat surat-menyurat A.S. (termasuk alamat Peti Surat A.S.) • Arahan Tetap untuk memindahkan dana ke dalam akaun yang disenggara di A.S. • Surat kuasa wakil yang mempunyai alamat di A.S. • Alamat mel yang disimpan sementara/alamat penjagaan di A.S. yang merupakan satu-satunya alamat yang ada. • Tempat kelahiran A.S. 	<p>a. Pemastautin pembayar cukai Asing Bukan Rakyat A.S. iaitu seseorang yang membayar cukai di negara asing selain daripada A.S.</p> <p>b. Seorang yang mempunyai:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nombor telefon asing bukan A.S. dan tidak mempunyai nombor telefon Malaysia. • Alamat kediaman/surat-menyurat asing bukan A.S. (termasuk alamat Peti Surat NUF). • Arahan Tetap untuk memindahkan dana ke dalam akaun yang disenggara di negara asing bukan A.S. • Surat kuasa wakil atau tandatangan yang diberi kepada seseorang yang mempunyai alamat dalam negara NUF. • Alamat mel yang disimpan sementara/alamat penjagaan di negara asing bukan A.S. yang merupakan alamat yang tunggal.

1.4 PB eTD-i ini tidak disediakan untuk:-

- a) CASA/CASA-i Bersama; dan
- b) Bukan individu iaitu perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab dan pertubuhan.

2. Pembukaan Akaun dan Peletakan

2.1 PB eTD-i hanya boleh dibuka dan diurusniagakan melalui PBe.

2.2 Urus niaga di kaunter TIDAK dibenarkan.

2.3 CASA/CASA-i mesti dipilih semasa pembukaan akaun PB eTD-i ("CASA yang Ditetapkan") dan dirangkaikan kepada Akaun PB eTD-i bagi tujuan peletakan/pengeluaran/pengkreditan keuntungan. PB eTD-i ini akan dipautkan kepada CASA yang Ditetapkan.

2.4 Maklumat mengenai Pemegang Akaun PB eTD-i ini mestilah sama dengan maklumat yang diambil daripada CASA yang Ditetapkan.

2.5 CASA yang Ditetapkan perlu kekal aktif dan hanya boleh ditutup apabila kesemua peletakan PB eTD-i yang belum dijelaskan dan prosid daripada pengeluaran itu dikreditkan dalam CASA yang Ditetapkan.

- 2.6 Sumber dana bagi peletakan PB eTD-i boleh didebitkan daripada CASA yang Ditetapkan atau melalui pindahan dana daripada bank lain melalui *Financial Process Exchange* (FPX).

Bagi peletakan melalui pindahan dana FPX, amaun deposit maksimum bagi setiap urus niaga adalah berdasarkan had yang dibenarkan oleh Bank atau had yang dibenarkan oleh dan ditetapkan dengan bank-bank yang berkenaan berkaitan dengan pindahan, mana-mana yang lebih rendah. Apa-apa pengkreditan faedah atau pembayaran prosid daripada pengeluaran akan dikreditkan dalam CASA yang Ditetapkan yang disenggara dengan Bank atau Public Bank Berhad.

- 2.7 Peletakan berganda dalam PB eTD-i dibenarkan.
- 2.8 Peletakan setiap PB eTD-i mesti dibuat bagi tempoh antara satu (1) bulan hingga dua puluh empat (24) bulan, tiga puluh enam (36) bulan, empat puluh lapan (48) bulan dan enam puluh (60) bulan atau tempoh lain dan pada kadar faedah seumpamanya yang ditentukan oleh Bank pada bila-bila masa.
- 2.9 Peletakan minimum bagi PB eTD-i ini hendaklah dalam Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) sahaja bagi semua tempoh PB eTD-i.
- 2.10 Tarikh kuat kuasa peletakan PB eTD-i adalah pada hari yang sama peletakan dibuat sekiranya peletakan tersebut berjaya dibuat melalui PBe.
- 2.11 Tiada Resit Deposit Tetap (TD-i) fizikal akan dikeluarkan bagi peletakan PB eTD-i. Sekiranya Resit TD-i tiada, peletakan yang ditunjukkan dalam talian akan mengikat ke atas Pemegang Akaun dan Bank.
- 2.12 Selepas peletakan berjaya dibuat, Slip Peletakan/Pembaharuan PB eTD-i yang mengandungi butir-butir mengenai peletakan berkenaan akan dikeluarkan. Urus niaga dalam PB eTD-i juga akan ditunjukkan dalam penyata suku tahunan PB eTD-i, yang akan disediakan dalam talian melalui PBe.
- 2.13 Peletakan dalam PB eTD-i TIDAK akan digunakan sebagai cagaran bagi tujuan pengkucagaran.

3. Kadar Keuntungan dan Pembayaran Keuntungan

- 3.1 Keuntungan bagi PB eTD-i ini akan dihentikan pada tarikh matang. Keuntungan terakru bagi PB eTD-i itu adalah tertakluk pada hak Bank untuk menahan jumlah tersebut seperti yang diperlukan sebagai pegangan atau cukai, levi atau apa-apa pengenaan lain dari semasa ke semasa.
- 3.2 Bermula pada 8 November 2019, kaedah pengkreditan pembayaran keuntungan kepada CASA yang Ditetapkan setiap bulan akan dihentikan.

Dari segi ilustrasi, kaedah pembayaran keuntungan bagi peletakan baharu dan pembaharuan peletakan sedia ada adalah seperti yang berikut:-

Tempoh	Cara Pembayaran Keuntungan	
	Peletakan Baharu/Pembaharuan Peletakan Sedia ada Sebelum 8 November 2019	Peletakan Baharu/ Pembaharuan Peletakan Sedia ada Mulai 8 November 2019 dan Seterusnya
1 hingga 12 bulan	<ul style="list-style-type: none"> • Kredit dalam CASA yang Ditentukan setiap bulan • Kredit dalam CASA yang Ditentukan apabila matang • Tambah kepada amaun pokok apabila matang 	<ul style="list-style-type: none"> • Kredit dalam CASA yang Ditentukan apabila matang • Tambah kepada amaun pokok apabila matang
13 bulan dan ke atas	<ul style="list-style-type: none"> • Kredit dalam CASA yang Ditentukan setiap bulan 	<ul style="list-style-type: none"> • Kredit dalam CASA yang Ditentukan setiap enam (6) bulan

3.3 Kaedah pembayaran keuntungan hendaklah dipilih semasa peletakan PB eTD-i itu dibuat.

3.4 Keuntungan dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.

4. Pengeluaran

4.1 Pengeluaran PB eTD-i hanya boleh dibuat melalui PBe dan pengeluaran sebahagian mana-mana PB eTD-i adalah TIDAK dibenarkan.

4.2 Apabila satu PB eTD-i dikeluarkan, amaun pokok dan keuntungan yang diperoleh daripadanya (sekiranya ada), akan dikreditkan secara automatik dalam CASA yang Ditentukan.

4.3 PB eTD-i yang dibuat melalui pendebitan CASA yang Ditentukan boleh dikeluarkan pada hari yang sama peletakan dibuat melalui platform yang sama, misalnya hanya peletakan PB eTD-i melalui Perbankan Dalam Talian PBe boleh dikeluarkan melalui Perbankan Dalam Talian PBe (dan sebaliknya). Bagaimanapun, kedua-dua urusan niaga peletakan dan pengeluaran pada hari berkenaan tidak akan ditunjukkan dalam penyata suku tahunan PB eTD-i.

4.4 Peletakan PB eTD-i yang dibuat melalui pindahan dana FPX tidak dibenarkan untuk dikeluarkan pada hari yang sama dengan peletakan dibuat.

4.5 Bagi peletakan PB eTD-i yang dibuat melalui pindahan dana FPX, apa-apa keuntungan atau prosid daripada pengeluaran akan dikreditkan dalam CASA yang Ditentukan.

5. Pengeluaran Sebelum Matang

5.1 Pengeluaran sebelum matang PB eTD-i boleh dibuat melalui PBe.

5.2 Tiada keuntungan akan dibayar bagi PB eTD-i yang dikeluarkan sebelum matang.

6. Pembaharuan

6.1 Apabila matang, PB eTD-i akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh yang sama pada kadar keuntungan semasa.

7. Ketersediaan Urus niaga PB eTD-i

- 7.1 Semua urusan niaga PB eTD-i akan disediakan melalui PBe mulai pukul enam (6) pagi hingga dua belas (12) tengah malam, tujuh (7) hari seminggu, atau pada waktu yang ditentukan oleh Bank melalui PBe kecuali bagi peletakan PB eTD-i yang dibuat melalui pindahan dana FPX.
- 7.2 Peletakan PB eTD-i melalui pindahan dana FPX hanya boleh dibuat melalui PBe mulai pukul enam (6) pagi hingga sebelas (11) malam, tujuh (7) hari seminggu, atau pada waktu yang dinyatakan oleh Bank melalui PBe.

8. Liabiliti

- 8.1 Pemegang Akaun mengizinkan Bank untuk mendedahkan maklumat seperti yang mungkin diperlukan oleh Bank Negara Malaysia sebagai mematuhi arahnya dan/atau kepada syarikat-syarikat dalam Kumpulan Public Bank dan institusi kewangan lain bagi tujuan penilaian yang *bona fide*.
- 8.2 Sekiranya Bank mengekalkan atau perlu mengekalkan peguamcara untuk menguatkuasakan apa-apa haknya di bawah Terma dan Syarat ini atau sama ada melalui prosiding kehakiman atau apa-apa cara berkenaan dengan Akaun PB eTD-i, Pemegang Akaun akan dipertanggungjawabkan untuk membayar kepada Bank semua kos, fi dan caj berkenaan dengannya bagi pengkalan tersebut. Bank mempunyai hak untuk mendebit CASA yang Ditetapkan atau Akaun PB eTD-i milik Pemegang Akaun bagi kos, fi dan caj berkenaan.

9. Penggantungan Akaun PB eTD-i

- 9.1 Akaun PB eTD-i milik Pemegang Akaun dan/atau pengendalian Akaun PB eTD-i itu boleh ditutup, ditamatkan, digantung atau dibekukan di bawah keadaan yang berikut:-
 - a) Kematian, kehilangan akal atau kebangkrapan Pemegang Akaun; dan/atau
 - b) Penyampaian apa-apa proses guaman atau perintah oleh mahkamah ke atas berkenaan dengan Pemegang Akaun.

10. Hak untuk Menolak Selesai

- 10.1 Selain apa-apa lien am atau hak serupa lain yang Bank selaku jurubank berhak dari segi undang-undang, Bank boleh, dengan notis awal selama tujuh (7) hari kalendar menggabungkan atau menyatukan kesemua atau mana-mana akaun perbankan milik Pemegang Akaun dengan Bank dan liabiliti kepada Bank dan menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah yang tertunggak dalam kredit Akaun PB eTD-i ini bagi memenuhi liabiliti Pemegang Akaun kepada Bank sama ada liabiliti kepada Bank itu adalah semasa, hadapan, sebenar, luar jangkaan, utama atau bercagar atau berasingan atau bersesama.

11. Penyata Akaun

- 11.1 Penyata akaun suku tahunan yang menyenaraikan setiap satu PB eTD-i dan urusan niaga yang berkaitan akan dikeluarkan oleh Bank dan disediakan dalam talian melalui peti mel PBe.
- 11.2 Pemegang Akaun perlu menyemak dengan teliti kesemua entri dalam penyata dengan segera dan melaporkan dengan serta-merta kepada Bank mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan yang terdapat dalamnya. Sekiranya Bank tidak menerima apa-apa maklumat secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh penyata mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan berkenaan dengan urusan niaga pengeluaran atau peletakan pada penyata tersebut, Pemegang akaun akan dianggap sebagai menerima entri berkenaan sehingga tarikh entri terakhir dalam penyata sebagai betul.

12. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia (BNM) Mengenai Ketelusan dan Pendedahan Produk

12.1 Pemegang Akaun memahami dan mengaku bahawa menurut Seksyen 146 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam ("APKI") 2013, Bank dibenarkan secara sah untuk mendedahkan maklumat Pemegang Akaun berkaitan dengan hal-ehwal, akaun perbankan atau pengendaliannya (termasuk kedudukan kredit Pemegang Akaun) kepada pihak ketiga seperti yang diluluskan oleh BNM untuk memudahkan dan/atau membolehkan Bank dan/atau syarikat berkaitan dan bersekutu dalam Public Bank Berhad untuk menjalankan fungsi masing-masing. Dengan ini, Pemegang Akaun tanpa boleh batal mengizinkan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan maklumat tersebut kepada mana-mana penjamin/pihak sekuriti, peguam Bank, ejen pemungut hutang, pihak ketiga dan/atau syarikat yang berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan Public Bank pada bila-bila masa seperti yang Bank akan tentukan atau putuskan suai manfaat bagi membolehkan Bank dan/atau syarikat berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan Public Bank untuk melaksanakan fungsinya dan/atau fungsi mereka.

13. Notis dan Keizinan bagi Perlindungan Data

13.1 Pemegang Akaun maklum bahawa Notis Privasi Bank mengenai pemungutan, pengumpulan dan perkongsian maklumat peribadi Pemegang Akaun dan perkara yang berkaitan dengannya boleh didapati di laman web Bank. Notis Privasi Bank juga boleh didapati daripada mana-mana cawangan bank.

13.2 Pemegang Akaun memahami hasrat Bank untuk memaklumkan kepada Pemegang Akaun mengenai maklumat, pengumuman dan berita penting mengenai produk dan perkhidmatan termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran Bank dan Gabungannya. Senarai Gabungan Bank dinyatakan dalam Notis Privasi Bank.

13.3 Pemegang Akaun memahami bahawa Pemegang Akaun berhak untuk mendapat akses kepada dan meminta pembedahan dibuat pada apa-apa maklumat peribadi yang dipegang oleh Bank dan bahawa Pemegang Akaun boleh memaklumkan kepada Bank untuk berhenti daripada menggunakan maklumat peribadi Pemegang Akaun bagi tujuan yang dinyatakan dalam Bahagian B: Terma dan Syarat Am Fasal 13.2 di atas dan bahawa permintaan seperti itu boleh dibuat secara bertulis kepada Bank di cawangan pemegang akaun atau dengan menghantarnya ke Jabatan Perkhidmatan Pelanggan, Tingkat 13, Menara Public Bank, 146, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

14. Akta Wang Tak Dituntut 1965

14.1 Menurut peruntukan Akta Wang Tak Dituntut 1965:-

- a) Pembaharuan automatik PB eTD-i akan dikelaskan sebagai "wang tidak dituntut" tujuh (7) tahun dari tarikh urus niaga terakhir yang dijalankan oleh Pemegang akaun; dan
- b) Dana dalam Akaun PB eTD-i perlu dipindahkan dalam Pendaftar Wang Tak Dituntut.

14.2 Pemegang akaun bersetuju untuk datang sendiri ke Bank sebelum berakhirnya tahun ke-7 untuk mengaktifkan semula akaun tersebut.

14.3 Sekiranya Pemegang akaun gagal, abai dan/atau enggan untuk mengaktifkan semula akaun itu, Bank akan memberi notis awal secara bertulis selama dua puluh satu (21) hari kepada Pemegang akaun sebelum mengaturkan untuk memindahkan baki dana itu dalam Akaun PB eTD-i kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

15. Notis dan Komunikasi

- 15.1 Pemegang akaun akan memaklumkan kepada Bank mengenai apa-apa pertukaran alamat. Semua komunikasi oleh Bank yang dialamatkan kepada atau dihantar kepada Pemegang Akaun akan dihantar dengan sewajarnya sekiranya dihantar ke alamat terakhir Pemegang Akaun yang didaftarkan dengan Bank.
- 15.2 Semua notis dan komunikasi kepada Pemegang Akaun adalah secara bertulis dan boleh dihantar kepada Pemegang Akaun melalui e-mel internet atau dengan mempamerkannya di premis dan di laman web Bank. Semua proses guaman hendaklah dihantar dan diterima dengan sewajarnya sekiranya dihantar kepada Pemegang Akaun melalui pos atau dihantar ke alamat terakhirnya yang didaftarkan dengan Bank.
- 15.3 Bank berhak untuk mengenakan levi atau mengubah apa-apa fi dan caj dengan memberi notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar dengan mempamerkan fi dan caj baharu itu di premis dan di laman web Bank.

16. Antisogokan dan Antirasuah

- 16.1 Bank telah melancarkan Dasar Antisogokan dan Antirasuah (“Dasar ABAC”) yang menerima pakai “pendekatan sifar toleransi” terhadap apa jua bentuk sogokan dan rasuah dalam menjalankan perniagaannya. Untuk maklumat lanjut mengenai Dasar ABAC, sila layari laman web Bank.
- 16.2 Pemegang akaun hendaklah memastikan pematuhan terhadap Dasar ABAC pada setiap masa dan tidak melibatkan diri dengan apa-apa perlakuan sogokan atau rasuah yang boleh dianggap sebagai bercanggah dengan Akta Suruhanjaya Antirasuah Malaysia 2009 (“Akta SPRM”), garis panduan, undang-undang kecil, peraturan dan apa-apa enakmen semula Akta SPRM berkenaan.
- 16.3 Bank berhak untuk menamatkan produk dan/atau perkhidmatan yang diberi kepada pemegang akaun dengan serta-merta sekiranya pemegang akaun didapati melanggar Dasar ABAC atau didapati terlibat dengan apa-apa amalan sogokan atau rasuah.

17. Lain-Lain

- 17.1 Pemegang Akaun mengaku bahawa sebelum atau semasa Akaun PB eTD-i ini dibuka, Pemegang Akaun tidak:
 - a) Mengambil tindakan kebangkrapan; dan/atau
 - b) Tertakluk pada apa-apa petisyen ketaksolvenan yang dibuat atau dikemukakan terhadap Pemegang Akaun.

Bank berhak pada bila-bila masa untuk menutup Akaun PB eTD-i ini tanpa notis terlebih dahulu sekiranya Pemegang Akaun mengambil tindakan kebangkrapan atau petisyen ketaksolvenan dikemukakan terhadapnya.

- 17.2 Dengan menerima Terma dan Syarat dalam ini, Pemegang Akaun mengesahkan bahawa beliau telah membaca dan memahami sepenuhnya Terma dan Syarat bagi PBe Bank. Pemegang Akaun selanjutnya bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan apa-apa pindaan atau pengubahsuaian yang sama yang Bank mungkin perkenalkan, yang boleh didapati melalui laman web Bank dan/atau papan notis di cawangan dan/atau melalui apa-apa kaedah komunikasi lain yang diluluskan.

Dengan terus mengekalkan dan mengendalikan Akaun PB eTD-i, Pemegang Akaun akan dianggap sebagai telah menerima pindaan atau pengubahsuaian pada Terma dan Syarat bagi PBe tersebut.

- 17.3 Walau apa pun peruntukan dalam ini, Bank berhak untuk menghalang pengendalian Akaun PB eTD-i ini sekiranya Bank mengesyaki akaun tersebut digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang.
- 17.4 Terma dan Syarat dalam ini tertakluk pada peruntukan dalam APKI 2013 dan apa-apa perubahan lain padanya atau apa-apa arahan daripada Bank Negara Malaysia atau seperti yang diarahkan atau dikehendaki oleh badan pegawalseliaan itu dari semasa ke semasa.
- 17.5 Bank boleh mengubah, meminda atau menyemak apa-apa terma dan syarat dalam ini, ciri-ciri dan manfaat akaun tersebut dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar dan tanpa memberi apa-apa sebab untuknya. Semua perubahan hendaklah disiarkan melalui laman web Bank dan di premis Bank atau kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank.
- 17.6 Bank boleh menerima atau menolak pembukaan akaun PB eTD-i tanpa memberi apa-apa sebab.

[RUANG SELEBIHNYA PADA HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]